



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

**WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

**Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my**



**KENYATAAN MEDIA OLEH
YANG BERTHORMAT
DATUK SERI NOH OMAR
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

MALAYSIA BEBAS DARIPADA JANGKITAN SELSEMA BURUNG (H7N9)

Tiada tanda-tanda jangkitan H7N9 pada ternakan unggas dan Malaysia masih berstatus bebas *Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI)* sejak 2 September 2007.

Susulan kes kematian di Shanghai, Anhui, Jiangsu dan Zhejiang, Republik Rakyat China (RRC) akibat jangkitan H7N9, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah berhubung dengan Pihak Berkuasa China iaitu *Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine (AQSIQ)* bagi mendapatkan penjelasan status terkini wabak penyakit tersebut sekiranya ia turut memberi implikasi terhadap pengimportan ayam dan produk ayam dari RRC.

Daripada Januari 2013 hingga Mac 2013, Kerajaan Malaysia telah mengimport keratan daging ayam sejumlah 4,806 tan metrik dari Wilayah Shandong, RRC sahaja. Justeru, orang ramai tidak perlu bimbang kerana Malaysia tidak mengimport keratan daging ayam selain dari Wilayah tersebut. Buat masa ini, ayam dan produk ayam yang dibawa masuk ke Malaysia telah melalui prosedur pemeriksaan di loji atau rumah sembelih yang diiktiraf Kerajaan dengan penyelarasan DVS bagi semua permohonan mengimport produk.

Pihak DVS telah memaklumkan kepada seluruh bahagian penguatkuasa Negeri supaya mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghadapi wabak jangkitan H7N9 ini. Semua pegawai di pintu masuk sempadan telah diletakkan dalam keadaan siap siaga yang tinggi. Sementara itu Malaysia mengamalkan polisi penghapusan bagi unggas terjangkit dan berisiko dalam kawalan dan pembasmian penyakit HPAI. Survelan, pemeriksaan dan pemantauan oleh pihak DVS melibatkan ladang ayam komersil, rumah sembelih, pasar basah, kedai burung dan juga ayam kampung serta burung liar di seluruh negara diperkukuhkan.

Daripada Januari 2013 hingga April 2013, tiada virus HPAI termasuk H7N9 dikesan berdasarkan 1,043 sampel yang telah diuji dan kesemuanya adalah negatif.

Semua daging ayam dan itik serta telur di pasaran samada daripada sumber tempatan atau yang diimport adalah selamat untuk dimakan. Namun begitu, DVS memohon kerjasama orang awam dan penternak untuk melaporkan sebarang kejadian penyakit unggas kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar yang berdekatan atau hubungi di Talian 03-88702041 dan Faksimili 03-88886472 .

DATUK NOH SERI OMAR
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

9 APRIL 2013